

**PERANAN JABATAN MUFTI KERAJAAN DALAM
MEMELIHARA SYIAR ISLAM DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

Muhammad Akmal bin Awang Tarif¹
Cecep Soleh Kurniawan²

Abstrak

Sejak tahun 1962, Jabatan Mufti Kerajaan adalah jabatan dan institusi yang berautoriti dalam bertanggungjawab mengeluarkan hukum dan fatwa bagi menjawab segala permasalahan yang muncul daripada masyarakat agar penduduk negara ini dapat menjalani kehidupan berlandaskan nilai-nilai Islam yang murni. Sejarah membuktikan bahawa jabatan ini memang berjaya dalam menegakkan hukum Islam sehingga segala fatwa-fatwa yang dikeluarkan adalah menjadi sandaran dan rujukan serta menjadi akta undang-undang di negara ini. Penubuhannya tidak syak lagi adalah merupakan satu mercu tanda kegemilangan Islam di Negara Brunei Darussalam. Metodologi Kajian yang digunakan adalah pengumpulan melalui data sekunder iaitu mengutamakan penyelidikan perpustakaan dan data tersebut dikumpul daripada kajian-kajian yang berkaitan sama ada dalam bentuk artikel, buku, majalah, kertas kerja dan suratkhobar. Pelbagai kemajuan dan perubahan yang sangat ketara boleh disaksikan dalam memelihara syiar Islam di negara ini umpamanya seperti fatwa mengenai pengharaman alat kebesaran diraja yang dikenali sebagai Kuching Emas, pengharaman babi dan arak untuk dijual.

Kata Kunci: Jabatan Mufti Kerajaan - Syiar Islam - Brunei Darussalam

¹ Calon Doktor Falsafah, Program Mazhab Syafi’i, Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi’i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Emel: 13sm057.akmal@gmail.com

² Ketua Program Lepas Ijazah di Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi’i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Emel: soleh.kurniawan@unissa.edu.bn

PENGENALAN

Pengertian mufti dari segi bahasa diambil daripada perkataan (أفتى) yang memberi maksud penjelasan dan penerangan sesuatu hukum. Ia juga dikenali di dalam bahasa Arab sebagai *isim fail* yang bermaksud pembuat atau pelaku. Dengan kata lain mufti bermaksud: “*orang yang memberikan jawapan kepada persoalan atau perkara yang dikemukakan oleh seseorang.*” (Zulkifli, 2016).

Manakala dari segi istilah, para ulama telah mendefinisikan perkataan ‘mufti’ dengan pelbagai pengertian. Antaranya sepertimana yang dijelaskan oleh (Haji Abdul Aziz, 2017):

1. Mufti ialah orang yang adil, diterima riwayatnya dan berusaha mencurahkan tenaga dan fikirannya untuk mengeluarkan hukum syara’ daripada sesuatu dalil.
2. Mufti ialah orang yang mengkhabarkan hukum Allah Ta’ala disebabkan dia mengetahuinya berserta dalil.
3. Mufti juga adalah orang yang mempunyai kemampuan untuk mengetahui kedudukan hukum-hakam berbagai kejadian dari segi syara’ berserta dalilnya dan dia hafal kebanyakan hukum-hakam fiqh.
4. Mufti ialah orang yang faqih (orang yang alaim dalam hukum syara’).

Dalam konteks di Negara Brunei Darussalam, mufti ialah orang yang berkelayakan dalam memberikan penjelasan hukum syara’ terhadap sesuatu permasalahan agama. Sebagai tambahan, mufti juga menjalankan tugas-tugas lain serta turut dilantik dalam berbagai jawatankuasa atau lembaga yang berkaitan dengan perkara agama, kenegaraan dan adat istiadat. Tujuannya ialah supaya mufti dapat memberikan pandangan agama atau syara’ jika berbangkit atau timbul sesuatu isu dalam jawatankuasa atau lembaga berkenaan. (Haji Abdul Aziz, 2012). Ini dikuatkan lagi dengan Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77) adalah sepertimana berikut:

Ahli Majlis:

“40 (2) Mufti hendaklah jawatan menjadi seorang Ahli Majlis dan hendaklah tidak tertakluk kepada syarat-syarat dari cerai (2) dan bab 13 dan bab 15 atau 16.”

Pengerusi Jawatankuasa Kehakiman Majlis:

Jawatankuasa Kehakiman Majlis terdiri daripada Mufti sebagai Pengerusi dan 2 orang ahli tetap dan sebarang bilangan Ahli tambahan. Ahli-ahli Jawatankuasa ini dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, menentukan samaada ahli tetap atau tambahan dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga boleh membatalkan perlantikan mereka. Peruntukkan ini terkandung dalam bab 44 Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggagal 77):

“4; 1(1) hendaklah terdapat satu Jawatankuasa Kehakiman baru Majlis, terdiri daripada Mufti, 2 orang ahli tetap dan sebarang bilangan ahli-ahli tambahan.

“(2) Ahli-ahli Jawatankuasa Kehakiman, selain daripada Mufti, hendaklah dilantik Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan lantikan sedemikian hendaklah menentukan samaada mereka itu ahli tetap atau tambahan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh pada bila-bila masa membatalkan mana-mana lantikan sedemikian. Notis bagi setiap lantikan sedemikian hendaklah disiarkan dalam Warta Kerajaan Kadi tidak boleh menjadi ahli Jawatankuasa Kehakiman.

“(3) Mufti hendaklah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kehakiman; semasa ketiadaannya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh melantik seorang Pengerusi.”

Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang Majlis:

Jawatankuasa Undang-Undang Majlis terdiri daripada Mufti, tidak kurang daripada 2 Ahli lain dari Majlis Ugama Islam, dan tidak kurang daripada 6 orang lain samaada dari ahli Majlis Ugama Islam ataupun tidak. Ahli-ahli Jawatankuasa ini adalah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan seperti peruntukkan di dalam bab 41 Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggagal 77):

“41 (1) Hendaklah terdapat satu Jawatankuasa Undang-Undang bagi Majlis, yang terdiri daripada Mufti, tidak kurang daripada 2 ahli lain dari Majlis Ugama Islam, dan tidak

kurang daripada 6 orang lain samaada dari ahli Majlis Ugama Islam ataupun tidak.

“(2) Ahli-ahli Jawatankuasa Undang-Undang, selain daripada Mufti, hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi suatu tempoh yang baginda fikirkan patut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada bila-bila masa boleh membatalkan mana-mana lantikan tersebut, notis bagi setiap lantikan tersebut hendaklah disiarkan dalam Warta Kerajaan.

“(3) Mufti hendaklah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang. Semasa ketiadaannya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh melantik seorang Pengerusi.”(Unit Perundangan Islam, 2018).

Manakala menurut Haji Ismail¹, ketika menjelaskan tanggungjawab seorang mufti menerangkan:

“Saya berkata Mufti Brunei ialah sebagai penasihat perkara agama dalam Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei khasnya, kerana dalam Jabatan Ugama bukan semua orang mengetahui selok-belok hukum-hukum syarak atau masalah tadbir atau siasah agama, dan sebagai penasihat agama yang berhajat mengetahui hukum agama atau berbangkit sesuatu perkara yang musykil yang mereka pandang dari segi agama Islam, dan mereka hendak tahu hukumnya pada amnya. Oleh yang demikian jawatan Mufti atau mengangkat Mufti pada mana-mana negeri Islam atau bagi umat Islam di mana-mana tempat adalah sangat mustahak dan penting bagi keteguhan umat Islam.” (Haji Ismail, 1971), (P.H Mohammad, 2011).

HUKUM MELANTIK MUFTI MENURUT ISLAM & PERLANTIKAN MUFTI MENURUT UNDANG-UNDANG DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dalam kitab *al-Mukaddimah* karangan Ibnu Khaldun *Rahimahullah* menyebutkan hukum melantik mufti sepertimana yang dinukilkan oleh (Haji Abdul Aziz, 1992):

¹ Nama Penuh: Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz. Allahyaram merupakan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang pertama, mulai dari 1962-1965 & 1967-1993.

“Bahawa kerja-kerja agama itu adalah tertentu kepada Khalifah, kemudian kepada Raja-Raja yang memerintah, kemudian salah satu daripada kerja-kerja agama itu ialah jawatan Mufti, yang sangat mustahak kepada umat Islam dan wajib ke atas pihak yang memerintah mengadakannya.”

Berkata Al-‘Allaamah As-Syeikh Muhammad Bakhit *Rahimahullah*, mantan Mufti Mesir dalam suratnya kepada Dewan Senat Mesir menyebutkan:

“Bahawa jawatan Mufti adalah juga seperti jawatan Kadhi, satu daripada perkara-perkara yang amat mustahak kepada umat Islam. Menurut segi pandangan agama Islam, ia adalah suatu perkara yang menjadi fardhu, yang wajib bagi pihak yang berkuasa mengambil ingatan melantik orang yang layak dan berkebolehan daripada kalangan ulama Islam. Kiranya yang berkuasa itu tidak melantik orang seperti itu, maka berdosa dia...” (Haji Abdul Aziz, 1992).

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* sepertimana yang diterangkan oleh (Haji Abdul Aziz, 2012) bahawa melantik mufti selaku orang yang berperanan mendirikan hujah-hujah bagi mensabitkan kewujudan Allah *Ta’ala* dan kenabian serta menghuraikan kemusykilan-kemusykilan yang berlaku pada agama adalah dihukumkan sebagai fardhu Kifayah. Tujuannya ialah untuk menyelesaikan segala kemusykilan dan kesamaran.

Dalam konteks Perlantikan Mufti Menurut Undang-Undang Di Negara Brunei Darussalam, di dalam Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggali 77) telah memperuntukkan mengenai kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melantik sesiapa sahaja yang sesuai untuk menjadi Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, sepertimana yang dijelaskan dalam bab 40 (1). Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh dengan pemberitahuan yang ditunjukkan dalam Warta Kerajaan melantik sesiapa sahaja yang sesuai untuk menjadi Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan boleh pada bila-bila masa membatalkan mana-mana lantikan tersebut. (Unit Perundangan Islam, 2018).

SEJARAH PENUBUHAN JABATAN MUFTI KERAJAAN

Sebenarnya di Brunei sebelum Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz *Rahimahullah* dilantik menjadi Mufti Kerajaan, hampir lima puluh tahun sebelumnya, jawatan dan gelaran “*Datu Seri Maharaja Mufti Brunei*” pernah dianugerahkan kepada Tuan Imam Haji Muhyiddin bin Nakhoda Jambul pada 04hb Safar 1336 Hijrah / 26hb Disember 1917 Masihi. (P.H. Mohammad, 2011).

Jabatan Mufti Kerajaan pada asalnya adalah dibawah Jabatan Hal Ehwal Ugama dan diletakkan sebagai salah satu bahagian dibawah jabatan tersebut yang dikenali sebagai Bahagian Fatwa. Namun, pada 21 Oktober 1986, apabila Jabatan Hal Ehwal Ugama dinaikkan tarafnya menjadi Kementerian Hal Ehwal Ugama, maka Bahagian Fatwa telah diletakkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Syari’ah di mana jabatan ini adalah salah sebuah jabatan daripada beberapa buah jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Namun pada 07hb November 1994 Masihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perintah supaya ditubuhkan sebuah jabatan yang digelar sebagai Jabatan Mufti Kerajaan dan menjadi sebuah jabatan yang berasingan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Manakala Mufti Kerajaan adalah bertanggungjawab langsung kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan pada menyembahkan apa-apa jua perkara berkaitan dengan tugas-tugas beliau sebagai Mufti Kerajaan. (Muhammad Nur Lubis, 2016).

Bangunan baru Jabatan Mufti Kerajaan dikenali sebagai “Darulifta Brunei Darussalam” yang terletak di Simpang 26, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan, BA2112, Negara Brunei Darussalam. (sumber: katalog Buku-Buku Jabatan Mufti Kerajaan, 2021). Sementara salah satu misi Jabatan Mufti Kerajaan ialah menyebarkan maklumat Islam kepada masyarakat. (Haji Japar, 2019).

Manakala mulai pada tahun 2005, jawatan Mufti Kerajaan telah diisytiharkan sebagai jawatan bertaraf menteri (Abdul Qayyum et.al., 2015) sepertimana titah khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan perlantikan-perlantikan baru pada 15hb

Rabiulakhir 1426 Hijrah / 24hb Mei 2005. Antara petikan titah Baginda:

“...Beta dengan ini juga sukacita memaklumkan bahawasanya jawatan Mufti Kerajaan dan Peguam Negara mulai hari ini adalah sebagai jawatan bertaraf Menteri...”(Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tahun 2005, 2006).

Jabatan Mufti Kerajaan berperanan sebagai pusat rujukan ilmu dan maklumat Islam yang lengkap dengan mengeluarkan Fatwa dan Irsyad. Fatwa dikeluarkan berdasarkan Al-Qur’an, al-Hadits, Ijma’, Qias, Mazhab Syafi’i, Qaul Mu’tamad Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali, dan ijthad Mufti. (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019).



Gambar 3.1: Bangunan Darul’ifta Jabatan Mufti Kerajaan, di jalan Babu Raja. (www.mufti.gov.bn)

AMALAN BERFATWA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Negara Brunei Darussalam teks fatwa hendaklah berdasarkan kepada qaul muktamad dalam Mazhab Syafi’i kerana perkara ini telah ditetapkan dalam Undang-Undang Negara Brunei Darussalam Penggal 77 Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Pindaan 1984. Akta Undang-Undang tersebut berbunyi:

“43. (1) dalam membuat dan memberi mana-mana fatwa dengan cara yang ditetapkan terdahulu sebelum ini Majlis dan Jawatankuasa Undang-Undang hendaklah biasanya menurut qaul yang muktamad daripada mazhab Syafi’i...”(Unit Perundangan Islam, 2018).

Selari dengan kehendak akta ini, maka fatwa yang dikeluarkan di Negara Brunei Darussalam adalah berdasarkan kehendak Mazhab Syafi’i dan amalinya pula adalah mengikut sistem amali ulama-

ulamanya dalam menetapkan hukum yang dijadikan fatwa. (Haji Abdul Aziz, 2016).

Menurut Haji Salim¹, sungguhpun demikian, ada juga kelonggaran untuk tidak terus berpegang atau mengikut *qaul muktamad* dari Imam Syafi’i iaitu dengan mengambil *qaul* yang *dhaif* daripada Mazhab Syafi’i, ataupun sekiranya jika difikirkan bahawa dalam mengikut samaada *qaul muktamad* dan *qaul dhaif* daripada Mazhab Syafi’i akan bertentangan dengan kepentingan awam, maka Majlis boleh sahaja dengan perkenan khas daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, untuk mengikut *qaul* daripada mana-mana tiga lagi Mazhab sebagaimana yang dianggap bersesuaian dengan syarat-syarat dan prinsip-prinsip yang patut diikuti hendaklah diterangkan dengan keterangan yang jelas dan bersama dengan sebarang penjelasan yang perlu. (Haji Salim, 2018). Namun, dalam membuat penetapan terhadap dasar-dasar yang berkaitan dengan agama Islam yang melibatkan orang awam atau masa, adalah ianya memerlukan datang dari pihak orang yang berauthoriti. Maka selain daripada Mufti yang berkuasa untuk mengeluarkan fatwanya, maka salah satu pihak berkuasa yang mempunyai autoriti untuk membuat ketetapan mengenai perkara agama ialah satu badan rasmi kerajaan yang telah ditubuhkan sejak lama lagi iaitu sejak dari tahun 1955 Masihi. Penubuhan badan ini adalah berdasarkan kepada Kuasa Undang-Undang bertulis yang dinamakan sebagai Akta Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77. (Haji Salim, 2018).

Adalah menjadi suatu kesalahan, selain daripada Mufti jika sesiapa atau seseorang bertindak dibawah kuasa-kuasa yang diberikan oleh Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77) mengeluarkan atau bertujuan untuk mengeluarkan sebarang fatwa mengenai mana-mana persoalan ajaran Islam seperti mana yang diperuntukkan dalam bab 187:

“187. Jika sesiapa saja selain daripada Mufti atau seseorang bertindak dibawah kuasa-kuasa yang diberikan oleh akta ini mengeluarkan atau bertujuan untuk mengeluarkan sebarang

¹ Nama Penuh: Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar. Memperolehi Ijazah B.A Syari’ah dari Universiti Al-Azhar pada tahun 1961 dan Diploma Pentadbiran Kehakiman Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia serta Pengajian Tafaqquh Fiddien di Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien. Jawatan sekarang sebagai Ketua Hakim Syar’ie.

fatwa mengenai mana-mana persoalan ajaran Islam dari hukum syara’ atau adat Brunei, dia adalah melakukan suatu kesalahan: Hukuman di penjara selama 3 bulan atau di denda sebanyak \$2,000.” (Unit Perundangan Islam, 2018).

BIODATA MUFTI PERTAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Menyebut Mufti dengan sendirinya ia berkaitan dengan institusi fatwa. Negara Brunei Darussalam mula menubuhkan institusi fatwa ialah pada 01hb April 1962 apabila Al-Mahrum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien Sultan Brunei ke-28 telah melantik Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz *Rahimahullah* sebagai Mufti Kerajaan Pertama bagi Brunei dan Al-Mahrum Begawan Sultan sangat prihatin terhadap kepentingan masa depan dan kedudukan agama Islam di Negara Brunei Darussalam. Perlunya mengadakan jawatan Mufti ini bukan sahaja menurut kehendak Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadhi No. 20/1955, akan tetapi Al-Mahrum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien sendiri mengakui kepentingannya sebagaimana warkah baginda kepada Menteri Besar Brunei:

“Amatlah susah bagi yang sudah kita alami jika terbit satu masalah yang bersabit dengan agama Islam jika sebuah negara Islam yang merasmikan agama Islam yang diakui suci tidak mempunyai seorang ulama yang benar-benar akan bertugas memberatkan atau mengambil berat sama ada dalam memberi fatwa-fatwa dan menghuraikan peraturan dan hukum-hukum dan lain untuk kesentosaan rakyat umat Brunei dan negeri itu.”¹

Perlantikan Allahyarham Pehin sebagai Mufti Kerajaan ini adalah berdasarkan kepada persetujuan diantara Al-Mahrum Begawan Sultan dengan Al-Mahrum Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail ibni Al-Mahrum Sultan Ibrahim, Sultan Johor pada ketika itu. Dan perlantikan ini adalah secara berkontrak selama tiga tahun iaitu mulai 01hb April 1962 sehingga 03hb Mac 1965. (Latif Juffri, 2010:104). Dan pada bulan Mac 1967 Allahyarham Pehin telah diperkenankan

¹ Warkah Al-Mahrum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien kepada Menteri Besar Brunei bertarikh 24hb Januari 1961.

semula menjadi Mufti Kerajaan sebagai pegawai berkontrek.¹ Jawatan itu dijabat sehingga sampai ke zaman Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan al-Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (Jabatan Mufti Kerajaan, 1997) dan sehinggalah Allahyarham Pehin kembali ke rahmatullah pada 03hb Februari 1993 Masihi.

Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz *Rahimahullah* dilahirkan pada 1911 Masihi bersamaan dengan 1329 Hijrah di Kampung Rengit, Johor. Allahyarham merupakan anak yang keenam daripada sebelas orang adik-beradik hasil perkongsian hidup diantara Omar dan Hajjah Mariam.


Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu dan Sekolah Al-Qur’an Kerajaan Johor bagi tempoh (1919-1923 Masihi) sebelum belajar di Sekolah Arab Al-‘Attas, Johor Bahru (1923-1928 Masihi). Allahyarham Pehin mula belajar di Universiti al-Azhar pada tahun 1938 Masihi dan mendapat Ijazah Pertama (*al-Shahadah al-‘Aliyah*) dari Fakulti Usuluddin pada tahun 1942 Masihi. Kemudian meneruskan pengajiannya dalam bidang *takhussus* pada tahun 1942 Masihi. Dua tahun kemudian iaitu pada tahun 1944 Masihi, Allahyarham Pehin mendapat *Shahadah al-‘Alimiyyah* dan Ijazah dalam perguruan dari Universiti al-Azhar. Pada tahun 1946 Masihi, Allahyarham Pehin telah mendapat *Shahadah al-‘Alimiyyah* serta Ijazah dalam Da’wah dan Irshad yang juga daripada Universiti al-Azhar. Pada tahun 1948 Masihi, Allahyarham telah mendapat Ijazah Pertama Sastera dari Universiti Kaherah. (Haji Mat Saad, 2011).

Allahyarham Pehin telah dikurniakan ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 17hb Rabiulawal 1412 Hijrah bersamaan dengan 25hb September 1991 Masihi di majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam kali ke-3. (Radziah, 2017). Manakala pada 01hb Muharram 1413 bersamaan dengan 02hb Julai 1992 bersempena Sambutan Awal

¹ Rujuk: Sejarah Hidup Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail Bin Omar Abdul Aziz. Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Tahun Hijrah 1413, Allahyarham Pehin telah dianugerahkan “*Tokoh Agama Negara Brunei Darussalam*” yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (Pusat Da’wah Islamiah, 1999).

Allahyarham Pehin telah meninggal dunia di Hospital RIPAS pada jam 6.40 petang pada 11hb Sya’aban 1413 Hijrah / 03hb Februari 1993 Masihi ketika berusia 82 tahun dan disemadikan di Kubah Makam Diraja bersama-sama kerabat Diraja Brunei Darussalam. (Haji Mat Saad, 2011). Dan diatas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (Radziah, 2017).



**Gambar 5.1: Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri
Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz
Rahimahullah.
(www.mufti.gov.bn)**

JUMLAH FATWA YANG DIKELUARKAN SEMASA HAYAT ALLAHYARHAM PEHIN DAN FATWA-FATWA YANG MEMBERIKAN KESAN KEPADA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEHINGGA SEKARANG

Sepanjang hayat Allahyarham Pehin, sepertimana catatan dalam daftar fatwa yang ada di Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam mulai dari tahun 1962 sehingga Allahyarham meninggal dunia pada tahun 1993, jumlah keseluruhan fatwa yang telah Allahyarham hasilkan mencapai 1,753. (Haji Abdul Aziz, 2019). Diantara fatwa-fatwa Allahyarham Pehin yang menjadi amat terkesan dan pegangan di Negara Brunei Darussalam sehingga sekarang antaranya ialah:

Pertama: mengenai permohonan untuk mendirikan kelab malam di kawasan Bandar Brunei. Fatwa Mufti Kerajaan siri 4/1967 menyebutkan kelab malam bagi orang ramai dalam negeri Brunei, bererti menyuruh dan membolehkan semua lapisan orang yang dalam negeri pergi masuk ke dalam kelab malam itu dan membuat berbagai-bagai rupa maksiat, dan kemudian maksiat itu tiada terhenti dalam kelab malam itu tetapi akan menjalar dalam kawasan penduduk Brunei seluruhnya. Maka wajiblah Jabatan Ugama menahan dengan kuatnya apa jua yang melawan dan menentang dan memperolok-olokkan Jabatan Ugama dan tugasnya. (www.mufti.gov.bn). Secara kesimpulannya dengan adanya fatwa ini, Brunei Darussalam sehingga sekarang bebas dan tidak membenarkan kelab-kelab malam untuk beroperasi.

Kedua: mengenai alat kebesaran diraja Brunei iaitu “Kucing Emas”. Pada tahun 1972, datang pertanyaan daripada pihak Jabatan Adat Istiadat mengenai apakah hukum penggunaan “Kucing Emas” tersebut. Maka keluarlah fatwa Allahyarham Pehin sebanyak 13 lembar berukuran A4. Fatwa yang bertulisan jawi telah menukil sekian banyak pendapat para ulama mengenai hukum membuat gambar atau patung dan sekaligus hukum memakainya sebagai lambang atau perhiasan. Secara ringkasnya fatwa menyebutkan; gambar atau patung kucing adalah haram dengan pandangan ijma ulama; dan gambar haiwan atau kucing pada bendera atau bintang atau pingat atau butang baju atau diletak di atas kepala hukumnya haram. (Haji Abdul Aziz, 2019).



Gambar 6.1: Gambar Bentuk Kucing Emas, Alat Kebesaran Diraja Brunei.

Ketiga: memelihara babi untuk perniagaan. Fatwa Mufti Kerajaan siri 22/1969 menyebutkan perkara memelihara dan berniaga babi tiadalah kena mengena dengan ‘*iqtishad*’ orang-orang Islam, hanya setengah-

setengah orang mengambil peluang mencari keuntungan dan laba sekalipun melanggar aturan, adat dan kesihatan. Islam menegah dari menyakiti orang Islam dengan seperti babi dan kandang-kandanganya kerana Islam memandang babi itu najis dan kotor. Oleh yang demikian Islam tiada menggalakkan memelihara dan membiakkan babi. (www.mufti.gov.bn). Manakala dalam fatwa yang lain, bilangan 75, MKB/33/1967 menyebutkan mengenai pasar babi, fatwa tersebut menjelaskan bahawa tiada harus atau tidak dibenarkan orang bukan Islam menampakkan perkara yang ditegah oleh Agama Islam seperti arak, babi dan lain-lain seumpamanya kepada orang Islam. Oleh itu wajiblah Pasar Babi itu diadakan di suatu tempat yang tersembunyi daripada pandangan orang Islam, bukan seperti yang ada di tengah-tengah bandar yang terbuka dan terdedah seperti di tebing Sungai Kianggeh itu. Maka kesimpulannya berpandukan kepada fatwa tersebut, Pasar Babi di Brunei adalah di tiadakan.

Keempat: pengharaman segala jenis arak. Negara Brunei Darussalam mula mengharamkan arak adalah secara berperingkat-peringkat. Pengharaman peringkat pertama iaitu pengharaman daripada Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) sekarang dikenali (RB) pada 30hb November 1988 Masihi. Pengharaman peringkat kedua di semua kelab-kelab Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pasukan Polis Diraja Brunei pada 31hb Julai 1990 Masihi dan manakala pengharaman ketiga iaitu secara keseluruhan termasuklah menegah kemasukan arak dikuatkuasakan pada 1hb Disember 1991 Masihi. (Haji Abdul Aziz, 2017).

Menurut Haji Badaruddin¹ (2015) semasa hayat Allahyarham Pehin, Jabatan Hal Ehwal Ugama telah mengambil inisiatif menyiarkan tulisan-tulisan siri fatwa itu ke dalam akhbar Pelita Brunei dengan menyediakan ruangan khas, yang diberi nama “Yang

¹ Nama Penuh: Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Awang Othman. Yang Berhormat Pehin berkelulusan Sijil Tinggi Kolej Malaya pada tahun 1967 dan Ijazah M.A dalam bidang Islamic Legal Policy dari Universiti Al-Azhar pada tahun 1971. Yang Berhormat Pehin pernah memegang jawatan sebagai Guru Sekolah Arab (1968), Pegawai Ugama (1971), Pengarah Penerangan (1982), Pengarah Pusat Da’wah Islamiah (1985), Duta Besar Republik Indonesia (1986), Pesuruhjaya Tinggi ke Papua New Guines yang menetap di Jakarta (1987), Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri (1989), Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (1hb Januari 2001), Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama (24hb Mei 2005-28hb Mei 2010), Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (29hb Mei 2010-21hb Oktober 2015) dan Menteri Hal Ehwal Ugama mulai tahun 2015.

Dimulikan Pehin Datu Seri Maharaja Menulis" yang disiarkan pada setiap minggu orang-orang lama di negara ini mengadkan majlis doa arwah setiap tahun.

Jawab : Suatu hadis dirwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud dengan sanad hasan yang bermaksud : Jika kamu mayat itu orang Islam, maka kamu merdekakan hamba kerannya atau kamu bersedekah kerannya atau kamu buatkan haji sunat akumnya, nescaya sampai pahala amal-amal itu kepadanya. Menurut suatu hadis yang erlanya : Umpama orang mati itu dalam kuburnya seperti orang karam berputar dengan apa itu di minanti suatu doa daripada anak atau daripada bapa atau daripada saudara atau daripada kerabat dan masuk dalam kubur si mati itu daripada doa orang hidup yang berupa cahaya sebagai gunung besarnya. Hadis ini sebagai dalil bagi orang-orang yang berkeduri arwah kaum kerabatnya atau ibu bapanya atau saudara-maranya, sebagai silaturahmi dan tawazuk syarak kepada mereka.

Hadiah kepada mereka sama ada dengan berdoa bersedekah, beri makan orang, menolong orang dengan tenaga atau dengan wang atau dengan harta seperti makanan, pakaian, perabot, tempat kediaman dan lain-lain yang di suruh Allah dengan niat hadiah seperti pahala benda-



Gambar 6.2: Yang Dimulikan Pehin Datu Seri Maharaja Menulis. (Pelita Brunei; Hari Rabu, 03hb Februari 1993).

Manakala selepas Allahyarham Pehin meninggal dunia, ruangan tersebut diberi nama baharu menjadi "Tulisan Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail" selama lebih dua tahun (mulai Februari 1993 Masihi sehingga Julai 1995 Masihi). Lihat contoh gambar 6.3 di bawah ini:



Gambar 6.3: Tulisan Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail. (Pelita Brunei; Hari Rabu, 10hb Februari 1993).

Selepas itu, mulai 02hb Ogos 1995 Masihi ruangan tersebut telah dihentikan dan digantikan dengan ruangan Irsyad Hukum kelolaan Jabatan Mufti Kerajaan sehinggalah sekarang dimana ianya disiarkan pada setiap hari rabu.

Menurut Haji Japar¹ (2020), penerbitan buku Irsyad Hukum yang bermula pada tahun 1994 sehingga bulan September 2019 sebanyak lebih kurang 687 artikel dan tajuk Irsyad Hukum telah dikeluarkan. Jumlah ini tidak termasuk Irsyad Hukum yang disampaikan melalui ceramah di televisyen.

BIODATA MUFTI KERAJAAN SEKARANG

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dilahirkan pada hari Isnin 03hb Zulhijjah 1360 Hijrah bersamaan dengan 22hb Disember 1941 Masihi di Kampong Setia Pahlawan Lama, Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan). (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000). Diperkirakan pada tahun kelahiran Yang Berhormat Pehin inilah tahun bermulanya tentera Jepun memasuki kawasan Brunei. (Muhammad Nur Lubis, 2016). Yang Berhormat Pehin mendapat pendidikan awal di Brunei. Melalui biasiswa kerajaan, Yang Berhormat Pehin melanjutkan pelajaran ke Sekolah Arab al-Junied, Singapura (1955-1961 Masihi) dan di Kolej Islam, Kelang (1962-1966 Masihi). Seterusnya melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar, Mesir dengan mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Perundangan Islam dalam tahun 1969 Masihi. Yang Berhormat Pehin juga pernah mengikuti kursus Fatwa di Darul Ifta', Kementerian Keadilan, Mesir dalam tahun 1979-1980 Masihi. Dalam bidang kerjaya, Yang Berhormat Pehin pernah memegang jawatan-jawatan sebagai Pegawai Ugama (1970), Penguasa Penerangan dan Tabligh (1971), Pegawai Ugama Kanan (1976), Timbalan Kadi Besar (1983), Pengarah Hal Ehwal Syara'iah (1986) dan Timbalan Mufti Kerajaan (1989-1994). Menjawat jawatan

¹ Nama Penuh: Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin. Berkelulusan Ijazah di Universiti Al-Azhar Mesir dalam bidang Usuluddin (Aqidah dan Falsafah) pada tahun 1983-1987. Memperolehi Diploma Takhassus Tafaqquh Fiddien di Institut Pengajian Islam Brunei pada tahun 1992-1994. Mengikuti Kursus Fatwa di Lujnah Al-Fatwa Al-Azhar tahun 1994. Melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana dalam bidang Syari'ah di Universiti Malaya pada tahun 1996-1999 dan memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Syar'iah di universiti yang sama pada tahun 2006-2011. Jawatan sekarang sebagai Timbalan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam sejak 01hb September 2015.

Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dari 01hb. September 1994 sehingga sekarang. (Pusat Da’wah Islamiah, 2009).

Manakala pada 29hb Sya’aban 1428 Hijrah bersamaan dengan 11hb September 2007, Yang Berhormat Pehin telah dikurniakan ijazah Kehormat Doktor Persuratan (Dr.) oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam kali ke-19. (Haji Yakob, 2007). Seterusnya pada 01hb Muharram 1433 Hijrah bersamaan dengan 26hb November 2011, Yang Berhormat Pehin telah dianugerahkan “*Anugerah Tokoh Ugama*” di majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1433 Peringkat Negara di Masjid Jame ‘Asr Hassani Bolkiah, Kampong Kiarong. Ini bermakna juga Yang Berhormat Pehin adalah anak Brunei yang pertama memegang jawatan sebagai Mufti Kerajaan. (Haji Yakob, 2011).

Setakat penelitian pengkaji sehingga tahun 2020, fatwa-fatwa mulai tahun 1994 sehingga 2020 yang telah dibukukan dan difatwakan oleh Pehin Mufti sekarang adalah berjumlah 901 bagi menjawab pelbagai persoalan yang telah diajukan daripada pelbagai pihak dan masyarakat.



Gambar 7.1: Pengkaji bersama Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan sekarang.

STRUKTUR BAHAGIAN-BAHAGIAN DI JABATAN MUFTI KERAJAAN

Jabatan Mufti Kerajaan mempunyai empat bahagian utama iaitu pertama: Bahagian Urusetia Fatwa, kedua: Bahagian Penerbitan,

ketiga: Bahagian Buhuth & Irsyad dan ‘Ifta dan keempat: Bahagian Perpustakaan Islam Brunei. Namun di dalam kertas kerja ini, pengkaji akan menerangkan hanya bahagian kedua sahaja: Bahagian Penerbitan. (www.mufti.gov.bn).

Bahagian Penerbitan adalah bertanggungjawab dalam kerja-kerja penyebaran ilmu Islam melalui penerbitan buku-buku, surat berita, majalah dan sebagainya termasuklah penjualan buku yang diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan. Bahagian ini juga turut menyediakan perkhidmatan Wakaf Ilmu sebagai landasan orang ramai beramal jariah. (www.mufti.gov.bn).

WAKAF ILMU (WAKAF BUKU) JABATAN MUFTI KERAJAAN

Wakaf Ilmu menurut pengertian Jabatan Mufti Kerajaan adalah untuk memberi peluang kepada umat Islam yang ingin beramal jariah, terutamanya bagi yang mempunyai keupayaan dan kecenderungan serta untuk memastikan agar perpustakaan awam, masjid dan institusi pendidikan terutamanya di negara ini memiliki setiap buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan.

Penubuhan Wakaf Ilmu di Jabatan Mufti Kerajaan ini telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2002. Jabatan Mufti Kerajaan telah diamanahkan untuk mengendalikan pakej wakaf buku-buku terbitannya sehinggalah sekarang.

Pengkaji dimaklumkan, orang yang telah memberikan idea menubuhkan Wakaf Ilmu di Jabatan Mufti Kerajaan adalah Yang Berhormat Pehin Mufti sekarang.

Sejak pakej wakaf ini dilaksanakan, banyak perpustakaan awam, masjid dan institusi pendidikan di dalam dan luar negeri seperti United Kingdom, Korea Selatan, Malaysia, Singapura dan Indonesia mendapat manfaat dengan memiliki buku-buku terbitan jabatan ini.

Sepanjang pengalaman Bahagian Penerbitan dan Penerangan Jabatan Mufti Kerajaan, lokasi perwakafan yang paling jauh yang pernah diuruskan adalah Kedutaan Brunei di United Kingdom, Malaysia, Singapura dan Indonesia. Oleh yang demikian bagi

membantu niat pewakaf agar pahalanya dapat secara berterusan, maka Jabatan Mufti Kerajaan telah menghantar buku-buku yang telah diwakafkan melalui penggunaan pos laju dengan perbelanjaan Jabatan Mufti Kerajaan sendiri. (Hajah Noor Hira, 2013).

PAKEJ-PAKEJ YANG DITAWARKAN MENERUSI WAKAF ILMU (BUKU)

Pengkaji dimaklumkan oleh Bahagian Penerbitan bahawa Jabatan Mufti Kerajaan telah menyediakan sebanyak sembilan (9) pakej wakaf bagi memudahkan umat Islam khususnya di Negara Brunei Darussalam untuk beramal jariah melalui Wakaf Ilmu. Si Pewakaf bolehlah memilih sebanyak mana pakej yang hendak diwakafkan. Harga pakej yang terendah ialah sebanyak \$41.00 untuk dua belas (12) buah buku yang ditentukan. Pakej-pakej tersebut adalah seperti berikut:

Pakej 1: Sebanyak sepuluh (10) buah naskah Fatwa Mufti Kerajaan mulai tahun 1994-2004. Harga pakej ini pada asalnya berharga \$135.00 dan kemudian dikurangkan menjadi \$65.00.

Pakej 2: Sebanyak sepuluh (10) naskah Fatwa Mufti Kerajaan mulai tahun 2005-2015. Harga Pakej ini pada asalnya berharga \$88.00 dan kemudian menjadi \$61.00 sahaja.

Pakej 3: Sebanyak sepuluh (10) naskah Irsyad Hukum dari tahun 1995-2004. Harga Pakej ini pada asalnya berharga \$ 122.00 dan kemudian menjadi \$56.00 sahaja.

Pakej 4: Sebanyak sepuluh (10) naskah Irsyad Hukum dari tahun 2005-2015. Harga asal pakej ini bernilai \$92.00 dan kemudian diberikan *discount* menjadi \$64.00.

Pakej 5: Sebanyak sebelas (11) naskah buku yang telah ditetapkan. Harga asal bagi pakej ini adalah berjumlah \$94.00 dan kemudian menjadi \$60.00. Buku-buku tersebut antaranya ialah:

- i. Fatwa of the State Mufti (1994-2000).
- ii. Animal Slaughter and Hadling Meat.
- iii. Issues on the Halal Products.
- iv. Bridge to the Thereafter.
- v. Cigarettes and Smoking.
- vi. Tabarruk with Athar of the Prophet.

Pakej 6: Sebanyak sepuluh (10) naskah yang telah ditetapkan. Harga asal bernilai \$67.00 dan kemudian menjadi \$41.00 sahaja. Buku-buku tersebut adalah seperti:

- i. 100 Keistimewaan Malam & Hari Jumaat.
- ii. Isu-Isu Produk Halal.
- iii. Rawatan & Kesihatan.
- iv. Rokok dan Merokok.
- v. Jambatan Ke Akhirat.
- vi. Pemedulian Pelanggan: Menurut Perspektif Islam.
- vii. Kerasukan: Merawat & Mencegahnya.
- viii. Possessed! Its Treatment & Prevention.
- ix. Ibadat Korban: Hukum & Cara Pengendaliannya.
- x. Orang Sembahyang Ditangisi Oleh Tempat Sujudnya.

Pakej 7: Sebanyak sebelas (11) naskah buku yang ditawarkan. Harga asal pada pakej 7 ini adalah bernilai \$76.00 dan kemudiannya menjadi \$47.00 sahaja. Buku-buku yang ditawarkan pada pakej ini adalah seperti berikut:

- i. Bersama Mufti.
- ii. Orang Berbank Kita Juga Berbank.
- iii. Membaca Nadi Kejayaan Bangsa.
- iv. Bahtera Perkahwinan.
- v. Selesma Babi: Kukuhkan Kebenaran Al-Qur’an.
- vi. Berubat Dengan Perubatan Bumi dan Perubatan Langit.
- vii. Islam dan Muzik.
- viii. Monetary Issues (Kulit Keras).
- ix. Bertabarruk dengan Atsar-Atsar Nabi.
- x. Isra’ Mi’raj: Satu Mu’jizat.
- xi. Penyembelihan Binatang dan Pengendalian Daging.

Pakej 8: Sebanyak dua belas (12) naskah buku yang ditawarkan. Harga asal pada pakej kali ini bernilai \$ 59.00 dan kemudian menjadi \$41.00 sahaja. Buku-buku dalam pakej tersebut seperti:

- i. Puasa dan Zakat.
- ii. Qanun Jenayah Syari’ah: Satu Pengenalan (Kulit Keras).
- iii. Melayu Islam Beraja: “Mahkota Negara”.
- iv. Bandar Seri Begawan Menagih Berkah dari Langit dan Bumi.
- v. Perintah Qanun Jenayah Syari’ah: “Neraca Allah.”
- vi. Aqidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah: Penyelamat Ummah.
- vii. Gaya Hidup Sihat dan Pemakanan Sihat Menurut Perspektif Islam.

- viii. Teman Musafir.
- ix. Keramat Wali-Wali Allah.
- x. Manusia Mencabar Allah.
- xi. Hebatnya Guru.
- xii. Air Zamzam: Untuk Apa Ia Diminum.

Pakej 9: Ditawarkan kepada si pewakaf untuk memilih mana-mana buku yang dipilih akan diberikan potongan harga *discount* sebanyak 30% daripada harga asal tanpa menghadkan jumlah buku yang dipilih tersebut. (Katalog Jabatan Mufti Kerajaan & www.mufti.gov.bn).

Menurut Haji Mohiddin¹ (2019), sejak wakaf ilmu Jabatan Mufti Kerajaan diperkenalkan pada tahun 2002 sehingga tahun 2018, telah menerima sambutan yang amat menggalakkan. Seramai 766 orang telah merebut peluang untuk beramal jariah dengan mewakafkan buku-buku tersebut ke perpustakaan awam, masjid dan institusi pengajian di dalam dan luar negeri dengan jumlah hasil kutipan hasil jualan buku sebanyak \$94,938.81. Untuk tahun 2018 sahaja, sebanyak 67 orang telah berwakaf dengan hasil kutipan berjumlah \$5,619.15.

PENCAPAIAN-PENCAPAIAN JABATAN MUFTI KERAJAAN
Sejak penubuhan Jabatan Mufti Kerajaan pada tahun 1994, pelbagai pencapaian-pencapaian telah berjaya dilaksanakan. Diantaranya pengkaji hanya menyebutkan tiga sahaja sepertimana berikut:

Pertama: Mengadakan Expo Islam Antarabangsa Pertama

Expo Islam Antarabangsa Pertama ini telah berlangsung pada hari Sabtu 28hb Jamadilakhir 1422 Hijrah / 18hb Ogos 2001. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat merasmikan expo tersebut dan turut berkenan melancarkan buku Mushaf, Tasbih dan Tongkat: Koleksi Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Buku koleksi ini mengandungi 81 koleksi artifak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada 27 Mushaf, 27 Tasbih dan 27 Tongkat beserta dengan kajian dan gambar-gambar artifak. Petikan

¹ Nama Penuh: Haji Mohiddin bin Haji Mustapha. Jawatan sekarang: Ketua Qismulhikmah di Perpustakaan Islam Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di majlis perasmian tersebut:

“...Jabatan Mufti Kerajaan yang beta perintahkan penubuhannya enam tahun yang lalu, adalah juga dihasratkan untuk sama-sama turut berperanan dalam menjaga kemajuan ummah dibidang yang bersesuaian dengannya. Di samping mengeluarkan fatwa, ia juga perlu komited untuk mewujudkan pusat rujukan ilmu Islam yang lengkap, sebagai syarat atau langkah bagi mencapai tamadun yang diinginkan...” (Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tahun 2001, 2002).

Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassan al-Bolkiah terletak di bahagian tingkat pertama dan kedua bangunan Perpustakaan Islam Brunei Darussalam, di mana mengandungi empat bilik pameran, menempatkan berbagai pameran warisan Islam. Antara yang menarik perhatian para pengunjung ialah Pameran Artifak Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* dan sahabat Baginda. Diantara yang dipamerkan ialah Selipar, Tapak Kaki, Tongkat dan Penyapu Ka’abah yang dimansubkan kepada Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam*. Selain itu Pedang Sayyidina Ali yang digunakan semasa perang “*Khibar*”, serban yang dimansubkan kepada Sayyidina Hasan *Radhiallahu ‘anh*, koleksi Tasbih, Serban serta Jubah yang dimiliki oleh Sheikh Abdul Qadir Al-Jailani turut dipamerkan.

Sementara di bahagian lain, balai ini turut menempatkan Pameran Mushaf-Mushaf Koleksi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mempamerkan kira-kira 400 buah Mushaf al-Qur’an yang berumur antaranya sehingga mencapai usia 1,000 tahun.

Di bahagian tingkat dua, balai tersebut menempatkan dua bilik pameran yang mempamerkan tongkat dan tasbih yang merupakan koleksi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan bilik pameran buku-buku manuskrip yang akan menjadi bahan rujukan yang berguna khususnya kepada pengkaji buku-buku ilmiah Islam lama. (al-Hadaf, 2001).

Di samping Balai Pameran Islam diadakan untuk kunjungan orang ramai, turut diadakan Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara

sebagai sebahagian acara utama Ekspo Islam Antarabangsa tersebut yang berlangsung selama empat hari mulai 20-23hb Ogos 2001 dengan pembentangan 24 buah kertas kerja oleh para ulama, ilmuan dan cendekiawan Islam dari Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Singapura, Republik Filipina, Kemboja, Vietnam dan Thailand. (al-Hadaf, 2001).

Kedua: Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Kejayaan seterusnya ialah dengan terbinanya sebuah bangunan kekal yang diberi nama ‘Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah’. Balai Khazanah ini telah dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 13hb Safar 1441 Hijrah / 12hb Oktober 2019 bersempena Majlis Ilmu 2019. Antara petikan titah Baginda di majlis perasmian tersebut:

“...Sesuai dengan kefungsian balai, bukan hanya untuk mempamer semata-mata, bahkan juga mendukung konsep ketamadunan yang lebih menyeluruh, maka beta sukacita menamakan bangunan kekal ini dengan nama Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) untuk menggantikan nama Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah...”

“...Untuk mengurus dan mentadbir, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah akan duduk di bawah Jabatan Perdana Menteri...” (Haji Yakob, 2019).

Pengkaji turut meninjau sekitar bangunan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah ini selepas majlis perasmian tersebut dan mendapati terdapat sembilan galeri di dalamnya iaitu sepertimana **Jadual 10.1** dibawah ini:

Galeri 1:	Kebestarian Raja.
Galeri 2:	Mushaf.
Galeri 3:	Rambut Mulia Rasulullah <i>Shallallahu ‘alaihi wasallam</i> .
Galeri 4:	Atsar sahabat <i>Radhiallahu ‘anhum</i> .
Galeri 5:	Warisan Ilmu 1.
Galeri 6:	Warisan Ilmu 2.
Galeri 7:	Tanda-Tanda Kebesaran Allah <i>Ta’ala</i> .
Galeri 8:	Astronomi.
Galeri 9:	Kesenian Islam, Tongkat dan Tasbih.

Jadual 10.1: Jumlah Galeri yang ada di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah. (al-Hadaf, 2019).

Turut diadakan sebagai acara sampingan ialah Ceramah dan Forum Majlis Ilmu 2019 dan acara-acara sampingan iaitu Seminar anjuran UNISSA dan KUPU SB.



Gambar 10.1: Bangunan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Ihsan daripada pengkaji.

Ketiga: Dinobatkan sebagai Buku Umum Terbaik ASEAN 2018 & Anugerah Khas Buku Terlaris 2019

Jabatan Mufti Kerajaan telah dinobatkan sebagai buku Umum Terbaik ASEAN 2018 menerusi buku '*Raja Melakar Sejarah*' dan terjemahannya '*The King Who Shapes History*' di Majlis Anugerah Buku ASEAN anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN) Malaysia yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur pada 14hb Sya'aban 1439 Hijrah / 30hb April 2018 Masihi. Anugerah Buku Umum Terbaik ASEAN 2018 telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara Malaysia, manakala bagi Buku Terjemahan Terbaik telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Dato' Dr. Ir. Mohd Abdul Karim Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Serba Dinamik Holdings Berhad. (Awang Osman, 2018).

Tajuk buku yang sama iaitu '*Raja Melakar Sejarah*' telah menerima penghargaan Anugerah Khas Buku Terlaris 2019 bersempena Pesta Buku Brunei 2020. Jabatan Mufti Kerajaan juga diberi penghargaan selaku Penerbit Anugerah Khas Buku Terlaris 2019. Penganugerahan tersebut berlangsung di Majlis Perasmian Pesta Buku Brunei 2020 yang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan selaku wakil Menteri

Kebudayaan Belia dan Sukan pada 05hb Rejab 1441 Hijrah / 29hb Februari 2020 Masihi, bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. (Awang Osman, 2020).

Secara kesimpulannya, pengkaji yakin berdasarkan kepada anugerah-anugerah yang telah diterima tersebut, jelas membuktikan bahawa buku-buku yang ditulis oleh Yang Berhormat Pehin Mufti Kerajaan sangat diminati dan disukai oleh segenap penduduk masyarakat samaada di dalam negara mahupun luar negara. Ini menunjukkan satu langkah yang positif serta sokongan padu dalam penerimaan masyarakat secara umumnya. Contoh lain; terdapat dua buah buku tulisan Yang Berhormat Pehin Mufti yang bertajuk: “*Jabatan Ke Akhirat*” dan “*Isu-Isu Produk Halal*” turut diulang percetakannya oleh salah satu penerbit terkenal di Malaysia iaitu al-Hidayah House untuk menjadi bahan rujukan bagi rakyat Malaysia secara umumnya. Dikatakan buku ini adalah salah satu buku terlaris di Malaysia.

KESIMPULAN

Demikianlah secebis sejarah perjalanan bahagian Mufti sehingga tertubuhnya sebuah jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Mufti Kerajaan dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kepekaan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menegakkan Ugama Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan sempurna ternyata mencapai kejayaan. Ini adalah hasil daripada pentadbiran berdasarkan kepada fatwa-fatwa Mufti Kerajaan selama ini. Pencapaian-pencapaian yang diterima oleh Jabatan Mufti Kerajaan menunjukkan hasil penat lelah daripada semua pihak khususnya mereka yang berkhidmat di jabatan ini. Ini juga membuktikan bahawa Jabatan Mufti Kerajaan akan terus bergerak dalam memajukan lagi Syiar Ugama Islam di Negara Brunei Darussalam sehingga ketahap setinggi-tingginya dan mencapai hasrat Baginda Sultan untuk melihat negara ini menjadi sebuah negara *Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur* dan juga negara Zikir yang sentiasa mengingati Allah.

BIBLIOGRAFI

- Abd. Latif Juffri. (2010). *40 Tokoh Ulama Johor. Siri Pertama*. Malaysia: Johor Bahru.
- Abd. Latif Juffri. (t.t). *Tokoh Ulama Johor*. Malaysia: Unit Penerbitan Dan Perhubungan Awam Majlis Agama Islam Negeri Johor.
- Abdul Qayyum Aminuddin & Mohd Anuar Ramli. (2015). *Peranan Institusi Fatwa Negara Brunei Darussalam Dalam Menangani Isu-Isu Kepenggunaan Halal*. Prosiding Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VIII (KAIB VIII). Brunei: UNISSA dengan kerjasama UTM Sarawak, UTM Sabah dan Pusat Da’wah Islamiah.
- Awang Osman bin Haji Awang Abu Bakar. (2018). *JMK Terima Anugerah Buku Terbaik ASEAN 2018*. al-Hadaf. Penyampai Wawasan Institusi Fatwa. Tahun: 22, Bil: 2. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan.
- Awang Osman bin Haji Awang Abu Bakar. (2020). *Buku Terlaris 2019*. al-Hadaf. Penyampai Wawasan Institusi Fatwa. Tahun: 24, Bil: 1. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan.
- Dato Paduka Dr. Haji Muhammad Nur Lubis. (2016). *Zikrayati: Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz Bin Juned Tokoh Yang Saya Kenali*. Brunei: UNISSA Press.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2019). *Pameran Jejak Seni Bina Islam Bandar Seri Begawan. Sempena Bandar Seri Begawan Ibu Negara Ketamadunan Islam 2019*. Brunei.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2000). *Sea Write Award 2000. Adi Rumi. Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned*. Brunei.
- Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin. (2015). *Fatwa Sumbangan Besar Mufti Pertama*. al-Hadaf. Tahun: 19, Bil: 2. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan.

Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin. (2020). *Meningkatkan Kelestarian Hab Halal: Sumbangan Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Prosiding 4th International Seminar Halalan Thayyiban Products And Services 2019*. UNISSA: Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban.

Dr. Haji Mat Saad Abdul Rahman. (2011). *Ensiklopedia Ulama’ Ulama’ Mazhab Shafi’i* (w. 1391 H./ 1971 M. – w. 1432 H. /2011 M). Jilid 14. Malaysia: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2016). *Gelaran Ulama*. Negeri Sembilan: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.

Haji Mohidin bin Haji Mustapha. (2019). *Waqaf Ilmu JMK*. al-Hadaf. Tahun: 23, Bil: 1. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan.

Haji Yakob bin Haji Metali. (2007). *Mufti Kerajaan Terima Ijazah Kehormat Doktor Persuratan*. al-Hadaf. Tahun: 11, Bil: 3. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan.

Haji Yakob bin Haji Metali. (2011). *Mufti Kerajaan Dianugerahkan Tokoh Ugama*. al-Hadaf. Tahun: 15, Bil: 4. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan.

Haji Yakob bin Haji Metali. (2019). *Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah Pusat Warisan Ilmu Islam*. al-Hadaf. Tahun: 23, Bil: 4. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan.

Haji Yabob bin Haji Metali. (2001). *JMK Menjana Kemajuan Ummah*. al-Hadaf. Tahun: 5, Bil: 3. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan.

Jabatan Penerangan. (2002). *Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sepanjang Tahun 2001*. Brunei.

Jabatan Penerangan. (2006). *Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Tahun 2005*. Brunei.

Katalog Buku-Buku Jabatan Mufti Kerajaan 2021. (t.th). Brunei.

Noor Hira binti Haji Noor Kaseh. (2013). *Pengurusan Dan Pembangunan Harta Wakaf Di Negara Brunei Darussalam*. Tesis PhD. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. (2012). *Fatwa Mufti Kerajaan 2006*. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan.

Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. (2015). *Keunggulan Pehin Datu Seri Maharaja Dato’ Seri Utama Dr. Haji Ismail bin Umar ‘Abdul Aziz Rahimahullah Sebagai Tokoh Yang Dihormati*. Buku: Umara’ Dan Ulama. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan.

Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. (2016). *Natijah Amali Kaedah-Kaedah Berfatwa Dalam Displin Berfatwa Mazhab Syafi’i*. Brunei: UNISSA Press.

Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. (2017). *As-Siyasah Asy-Syar’iyyah*. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan.

Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. (2017). *Raja Melakar Sejarah*. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan.

Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz. (1971). *Fatwa Mufti Kerajaan. Bil: 60, MKB/33/1967 bertarikh 10 Syawal 1391 Hijrah/ 29 Novemver 1971 Masihi*. Brunei.

Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar. (2018). *Garis Panduan Berijtihad Amalan Negara Brunei Darussalam*. Himpunan Kertas Kerja Muzakarah Ulama MABIMS Tahun 1997-2014. Jil:I. Brunei: Sekretariat MABIMS Brunei.

Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. (1992). *Islam Di Brunei Zaman Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan*

Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Jilid 1. Brunei: Pusat Sejarah Brunei.

Pelita Brunei. (1993). *Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Menulis.* Tahun: 38, Bil: 5. Brunei: Jabatan Penerangan.

Pelita Brunei. (1993). *Tulisan Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail.* Tahun: 38, Bil: 6. Brunei: Jabatan Penerangan.

P.H. Mohammad Abd. Rahman. (2011). *Islam Di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984).* Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pusat Da’wah Islamiah. (1999). *Tokoh Ugama Tahun Hijrah 1413. Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail Bin Omar Abdul Aziz.* Brunei.

Pusat Da’wah Islamiah. (2009). *Puisi Hidayat IV.* Brunei.

Radziah binti Haji Abdullah. (2017). *Bab 2 Riwayat Hidup Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Ismail Bin Omar Abdul Aziz. Buku: Ketokohan Dan Sumbangan Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Ismail Bin Omar Abdul Aziz Dalam Bidang Ilmu dan Pendidikan Agama Edisi Kedua.* Brunei: UNISSA Press.

Unit Perundangan Islam. (2018). *Prosedur Fatwa: Amalan Negara Brunei Darussalam.* Himpunan Kertas Kerja Muzakarah Ulama MABIMS. Tahun 1997-2014. Jil:I. Brunei: Sekretariat MABIMS Brunei.

Sumber Website:

<http://www.mufti.gov.bn>